



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 2/2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENIADAAN PERKHIDMATAN SEBULAN KE SEBULAN BAGI
PEGAWAI/KAKITANGAN PEREMPUAN YANG TELAH BERKAHWIN**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa:

1. Perkhidmatan sebulan ke sebulan bagi pegawai/kakitangan perempuan yang telah berkahwin adalah dengan ini ditiadakan.
2. Perkhidmatan Sebulan Ke Sebulan yang dimaksudkan mencakupi pegawai/kakitangan perempuan dalam kategori berikut:
 - (a) Perkhidmatan Sebulan Ke Sebulan Tempoh Dibaharui Dengan Sendirinya (SKS-TDDS):
 - (i) Pegawai perempuan bukan graduan yang berkahwin di dalam Bahagian II dan ke atas.
 - (ii) Pegawai/kakitangan perempuan yang berkahwin di dalam Bahagian III, IV dan V.
 - (b) Perkhidmatan Sebulan Ke Sebulan Tempoh Dibaharui Dengan Permohonan (SKS-TDDP):
 - (i) Pegawai/kakitangan perempuan yang berkahwin yang belum lulus peperiksaan yang dipersyaratkan yang diberikan SKS satu (1) tahun atau tempoh bersesuaian yang melebihi satu (1) tahun yang dapat menepati objektif pengawasan.
3. Pegawai/kakitangan perempuan dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan yang terlibat di atas akan dilantik semula dalam perkhidmatan tetap dan di bawah Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP).
4. Perubahan ini mula berkuatkuasa pada **13 Disember 2008**.

fm



- 2 -

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

والسلام

Dengan hormat

(AWANG SA BALI BIN ABAS)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: (02)JPM/SK/2009

Tarikh: **22** Safar 1430/ **18** Februari 2009